

Headline	TNB jawab rungutan pengguna punca bil meningkat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	14
ArticleSize	109 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,299		



TNB jawab rungutan pengguna punca bil meningkat

KUALA LUMPUR 21 April - Syarikat utiliti negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerima permintaan tertinggi elektrik di Semenanjung sebanyak 37.82 peratus semalam berbanding pada awal tahun ini akibat daripada kesan fenomena El Nino.

TNB dalam satu kenyataan di sini berkata, peningkatan itu melibatkan bacaan sebanyak 17,788 megawatt (mW) semalam berbanding 12,906 mW pada 1 Januari lalu.

Katanya, keadaan panas pada siang hari meninggalkan kesan bahang sehingga ke awal pagi mempengaruhi tabiat penggunaan elektrik khususnya pendingin hawa kerana secara relatifnya, peralatan tersebut

melibatkan lebih banyak tenaga.

“Selain itu, sikap pengguna yang cenderung menurunkan suhu pada tahap lebih rendah, meningkatkan kelajuan kipas pendingin hawa dan menggunakan peralatan elektrik untuk tempoh lama turut mengakibatkan bayaran bil elektrik meningkat.

“Penggunaan elektrik juga boleh meningkat jika mereka menggunakan peralatan lama selain tidak diselenggara dengan baik,” katanya.

Menurut kenyataan itu, satu kajian kes di Selangor menunjukkan penggunaan tiga unit pendingin hawa oleh seorang pengguna meningkat daripada lima jam sehari pada hujung tahun lalu kepada

lapan jam sehari bulan ini.

Tambahnya, penggunaan elektrik pengguna terbabit meningkat 40 peratus daripada 428 per kilowatt-jam (kWh) kepada 598 kWh, secara tidak langsung kenaikan itu menyebabkan cas bil meningkat daripada RM125.52 kepada RM231.69 sebulan.

Sehubungan itu, syarikat berkenaan berkata, pengguna yang mendapati bil elektrik mereka meningkat bukan disebabkan faktor-faktor tersebut adalah dinasihatkan menghubungi pejabat TNB yang berhampiran.

Para pengguna juga digalakkan memuat turun tip-tip penjimatan tenaga elektrik di www.tnb.com.my.